

Headline	FAMA jamin bekalan sayur mencukupi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,502



FAMA jamin bekalan sayur mencukupi

IPOH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bekalan makanan terutama

sayur-sayuran yang diimport dari China tidak terjejas berikutan penularan koronavirus.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, pihaknya mempunyai beberapa pilihan dari negara lain.

“Sebagai contoh, kubis memang banyak kita import dari China tetapi tiada pengurangan ketara. Kita ada sumber yang lain seperti dari Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 Peringkat Negeri Perak di Bandar Meru Raya di sini semalam yang dirasmikan oleh Exco Agama, Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan Perak, Datuk Asmuni Awi.

ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 mendapat sam-

butan menggalakkan dan sehingga kini nilai jualan yang dicatatkan mencecah RM450,000 iaitu menghampiri sasaran sebanyak RM1 juta yang melibatkan lima lokasi.

“Kita sebenarnya tidak perlu bimbang. Ramai pelancong yang datang pada program di KLCC, Kuala Lumpur semalam (kelmarin), begitu juga program di Terengganu. Kita tidak boleh mengembar-gemburkan berita tidak sah mengenai koronavirus.

“Setakat ini Terengganu mencatat jualan yang tertinggi selama dua hari iaitu sebanyak RM103,000 tetapi di Perak mungkin jumlahnya boleh mengatasi Terengganu kerana setakat semalam (kelmarin), jumlah jualan berjumlah RM60,000,” katanya.



Zainal Abidin (kiri) dan Asmuni (tiga dari kiri) melawat gerai jualan sayur-sayuran pada Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 Peringkat Negeri Perak di Bandar Meru Raya, Ipoh semalam.